

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Akta Harmoni Nasional akan menggantikan Akta Hasutan 1948 sepertimana yang dilaungkan oleh Perdana Menteri sendiri pada tahun 2011 dan nyatakan usaha *national reconciliation* memandangkan golongan ekstremis makin membarah.

JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 11 Julai 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan hasrat Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [atau *Akta 15*] dan menggantikannya dengan suatu Akta baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional.

2. Objektif Akta Keharmonian Nasional bukan sahaja untuk memperkasa undang-undang tetapi juga untuk mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang menggunakan isu-isu sensitif untuk memecahbelahkan perpaduan nasional, termasuklah penghinaan terhadap institusi diraja atau raja.

3. Bagi tujuan ini, Kerajaan kini sedang mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan peruntukan yang wajar dimasukkan ke dalam Akta Keharmonian Nasional tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, tarikh sebenar pemansuhan Akta Hasutan 1948 masih belum dapat diputuskan pada masa ini memandangkan perkara tersebut masih sedang dalam kajian dan memerlukan penelitian daripada pelbagai aspek. Penelitian dan kajian

yang menyeluruh adalah penting bagi memastikan suatu undang-undang itu komprehensif dan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

5. Berkaitan dengan penyatuan national (*national reconciliation*), Kerajaan sedang berusaha mengenal pasti isu sebenar yang berlaku sebelum sesuatu usaha komprehensif dan tindakan penyelesaian dicadangkan. Ada pelbagai pendapat diperolehi di mana sebahagiannya menyatakan penyatuan nasional diperlukan atas sebab-sebab politik, sebahagian lagi menyatakan isu agama, manakala sebahagian yang lain berpendapat ia ada kaitan dengan ekonomi dan integrasi nasional.

6. Dalam usaha mengemukakan cadangan penyelesaian terbaik, Kerajaan melalui Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) atau *National Unity Consultative Council* (NUCC) telah mengadakan 18 siri dialog dengan masyarakat akar umbi yang bertemakan "Suara Akar Umbi" (*Voice of The Grassroots*) dalam bulan Februari dan Mac yang lalu. Tujuannya adalah untuk mendapat pandangan, idea dan cadangan masyarakat tentang usaha-usaha penyatuan nasional. Selain dari itu, sebanyak tujuh (7) Perjumpaan Muhibah telah diadakan dengan beberapa badan bukan Kerajaan (NGOs), dan lima (5) perbincangan meja bulat yang mempunyai matlamat dan tujuan yang sama. Input-input yang diperolehi ini akan dianalisa oleh NUCC dan akan dijadikan asas untuk menggubal Pelan Tindakan Penyatuan dan Perpaduan Negara yang akan dicadangkan kepada Kerajaan kelak.

7. Usaha-usaha penyatuan nasional ini merupakan usaha jangka panjang Kerajaan dan semua pihak perlu menyokong usaha murni ini ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang hidup bersatu padu dan harmoni.

Sekian, terima kasih.